

# Ku Li tidak boleh tanding Naib Presiden

**BH** 1 8 APR 2000  
Oleh Kadir Dikon dan Zulkorri Jamaluddin

KUALA LUMPUR, Isnin – Tengku Razaleigh Hamzah hilang kelayakan untuk bertanding jawatan Naib Presiden Umno pada pemilihan pucuk pimpinan parti bulan depan apabila Majlis Tertinggi (MT) Umno menolak semua pencalonan yang dibuat oleh jawatankuasa bahagian Gua Musang, Jumaat lalu.

MT yang bermesyuarat lebih tiga jam petang ini, mendapati bahagian yang diketuai Tengku Razaleigh itu tidak mematuhi arahan berkaitan pencalonan oleh bahagian.

Sebelum ini MT mahukan supaya mesyuarat perwakilan bahagian membuat pencalonan tetapi Bahagian Gua Musang yang diketuai Tengku Razaleigh dalam mesyuarat perwakilannya pada 31 Mac lalu, menyerahkan kepada jawatankuasanya membuat pencalonan.

Mesyuarat jawatankuasa bahagian itu Jumaat lalu mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden; Datuk Abdullah Ahmad Badawi (Timbalan Presiden); serta Datuk Seri Najib Tun Razak, Datuk Seri Osu Sukam dan Tengku Razaleigh sendiri sebagai naib presiden.

Pencalonan oleh jawatankuasa Umno Gua Musang itu, memberikan 17 pencalonan kepada Tengku Razaleigh, jumlah minimum bagi melepasi syarat kelayakan bagi kerusi naib presiden.

Setiasaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob berkata, MT menggunakan kuasanya mengikut Fasal 32 Perlembagaan parti iaitu seba-

rang tafsiran mengenai apa saja, jika timbul sebarang perselisihan, tafsiran MT adalah muktamad.

Khalil memberitahu pemberita demikian selepas mesyuarat MT, yang dipengerusikan oleh Dr Mahathir petang ini. Tengku Razaleigh, selaku ahli MT yang dilantik, hadir sama dalam mesyuarat selama lebih tiga jam itu.

Dr Mahathir kemudian menjelaskan, MT sudah memberi arahan iaitu pencalonan mesti dibuat oleh perwakilan walaupun perwakilan boleh menyerahkan kuasanya kepada jawatankuasa bahagian.

“Tetapi pendapat MT ialah ini bukanlah maksud arahan yang dibuat oleh MT. Dengan itu, MT berpendapat bahawa apa yang dilakukan oleh Gua Musang, iaitu menyerahkan keputusan (pencalonan) kepada jawatankuasa bahagiannya tidak menepati maksud arahan MT,” katanya.

Beliau berkata, dengan itu juga, pencalonan Gua Musang yang mencalonkannya untuk jawatan presiden dan Abdullah bagi timbalan presiden, turut tidak sah.

“Jadi saya tak dapat 164 pencalonan, cuma 163,” katanya.

Ditanya mengenai reaksi Tengku Razaleigh pada mesyuarat itu, Dr Mahathir berkata, Ketua Badan Perhubungan Umno Kelantan itu tidak memberi reaksi, cuma membet-i penjelasan bagaimana ia berlaku.

**LIHAT MUKA 2, RUANG 3**

## Keputusan tiada niat halang Ku Li tanding Naib Presiden

**DARI MUKA 1** **BH** 1 8 APR 2000

“Beliau (Tengku Razaleigh) berkata, ketika mesyuarat ada orang yang berkata, serah kepada bahagian. Jadi dengan itu saja, bukan ada usul apa-apa pun, cuma oendapat. Ini tidak adasiapa yang bangkang, maka itu jadi keputusan mesyuarat bahagian,” kata Dr Mahathir.

Mengenai kemungkinan penolakan itu dianggap sebagai menghalang Tengku Razaleigh daripada bertanding jawatan Naib Presiden, Dr Mahathir berkata, terpuang kepada sesiapa saja untuk membuat tafsiran.

Khalil pula menjelaskan, beliau hanya menerima surat daripada jawatankuasa Umno Gua Musang hari ini dan terus membawa serta membentangkannya pada mesyuarat MT kerana kesuntukan masa.

“Dalam mesyuarat itu, Pengerusi (Dr Mahathir) meminta semua ahli memberi pendapat. Dengan itu, perbincangan diadakan dan ramai ahli mengambil bahagian.

“Kita berakhir dengan me-

ngambil satu permuafakatan, sama ada pencalonan yang dibuat secara perwakilan diserahkan kepada jawatankuasa bahagian ini, boleh diterima ataupun tidak oleh MT.

“Kita memutuskan, bagi mengelak sebarang ikutan berlaku dan juga bagi memastikan arahan yang telah dibuat oleh MT ketika menjelaskan kedudukan pencalonan oleh bahagian Tawau dulu, maka MT tak dapat menerima cara pencalonan yang dibuat itu,” katanya.

Beliau berkata, berikutan ruang masa antara mesyuarat perwakilan dengan pencalonan yang dibuat begitu lama, ia juga boleh menimbulkan banyak persoalan.

Ditanya mengapa kes Gua Musang hanya berbangkit setelah Tengku Razaleigh melepasi kelayakan untuk bertanding Naib Presiden. Khalil berkata, pihaknya sudah membuat penjelasan sebelum ini.

“Hanya hari ini ibu pejabat Umno menerima surat rasmi daripada bahagian Gua

Musang sedangkan bahagian lain yang sudah bermesyuarat terus memberitahu keputusannya kepada ibu pejabat.

“Oleh itu, hal-hal mesyuarat Gua Musang hanya diketahui secara tidak rasmi melalui laporan media dan Jawatankuasa Penguatasaan Disiplin Umno dalam mesyuarat terbarunya tidak boleh membincangkan kes itu kerana tidak mendapat laporan rasmi,” katanya.

Dr Mahathir pula berkata, sebarang keputusan mesyuarat bahagian perlu disampaikan kepada jawatankuasa berkenaan sebelum sebarang keputusan dibuat walaupun ia cuma dilaporkan menerusi media.

Ditanya sama ada bahagian Gua Musang akan diarah supaya mengadakan mesyuarat semula, Dr Mahathir berkata, isu itu tidak timbul kerana bahagian terbabit memang sudah maklum mengenai perkara itu.

“Malah tindakan bahagian Tawau dalam mesyuarat-

nya 2 Mac lalu dengan hanya mencalonkan dua nama bagi jawatan Naib Presiden, dibuat sebelum MT mengeluarkan arahan,” katanya.

Presiden Umno juga berkata, mesyuarat bahagian Bandar Tun Razak pada malam Jumaat lalu adalah sah kerana ia diadakan atas arahan MT dengan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Sulaiman Mohamad ditugas mengendalikannya.

Bagaimanapun, katanya, bantahan oleh sebilangan cawangan di bahagian itu akan dikaji oleh jawatankuasa teknikal, diketuai peguam Umno, yang akan mendapat maklumat daripada kedua-dua pihak.

“Kalau laporan itu menunjukkan ada perkara yang akan menyebabkan mesyuarat itu tidak dianggap sah, maka kita akan putuskan ketika itu. Kalau dianggap sah pun, kita akan putuskan perkara itu kemudian,” katanya.